

DATE 23/7/2008

# UMNO, Pas ikhlas rapatkan hubungan

Oleh NIZAM YATIM

**BANGI** 22 Julai - Ketua Pengerahan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib yakin pemimpin tertinggi parti itu dan Pas ikhlas untuk merapatkan hubungan demi kemajuan orang Melayu.

Menurutnya, usaha bermuzakarah menunjukkan mereka sedar perpecahan orang Melayu hanya akan membantutkan usaha untuk memajukan kaum berkenaan.

"Orang Melayu sekarang sudah cerdik dan tahu untungnya kita bersatu. Mereka juga tahu perpecahan hanya akan membantutkan usaha melonjakkan kaum kita ke peringkat lebih tinggi.

"Saya nampak kini ada keikhlasan di antara kepimpinan tertinggi Pas dan UMNO untuk mencari titik persamaan bagi merapatkan hubungan kedua-dua parti," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Seminar Kebangsaan Masa

Depan Politik Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini.

Muhammad mengulas kebimbangan yang diluahkan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat baru-baru ini kemungkinan Pas terperangkap dalam permainan politik UMNO sebagaimana yang pernah dialami pada 1970-an sehingga wujud keretakan besar dalam parti itu.

Tegas Nik Abdul Aziz, beliau tetap tidak akan berunding dengan UMNO dan jika itu hendak dilaksanakan ia harus dibuat melalui pemimpin Pas lain.

Pas menyertai kerajaan campuran Parti Perikatan bersama UMNO selepas rusuhan kaum 1969 tetapi parti itu disingkirkan pada 1978.

Dalam pada itu, Muhammad meminta Nik Abdul Aziz tidak terlalu bernostalgia dengan kisah lampau yang menyaksikan penyingkiran parti itu daripada Barisan Nasional (BN).

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berkata, Menteri Besar Kelantan itu tidak

UM - 23/7/2008  
harus sangsi dengan keikhlasan UMNO mengadakan muzakarah kerana tiada sebarang agenda terlingdung bagi memecahbelahkan Pas.

"Saya ingat usaha mengadakan muzakarah ini dicetuskan dari dalam Pas dan UMNO sendiri iaitu dari peringkat akar umbi. Jadi langkah ini lahir daripada hati yang ikhlas," jelasnya.

Katanya, muzakarah itu juga tidak bermatlamat membawa Pas kembali ke dalam BN kerana kedua-dua parti akan kekal sebagai entiti berasingan dan usaha hanya dilakukan

bagi memastikan tiada sebarang pertembungan dalam isu-isu pokok membabitkan kepentingan orang Melayu.

Tambah beliau, UMNO juga tidak akan campur tangan dalam pertelingkahan di kalangan pemimpin Pas yang berbeza pandangan mengenai muzakarah itu.

"Polemik Pas yang keluar di akhbar, kita tidak campur. Kita serah kepada kepimpinan parti itu untuk menyelesaikan di peringkat dalaman. Saya fikir ini boleh diselesaikan," ujarnya.

## Penjelasan laporan muzakarah

TERDAPAT kesilapan dalam laporan bertajuk *Majlis Syura Pas Restui Muzakarah* yang disiarkan *Utusan Malaysia*, semalam.

Perenggan 11 artikel itu sepatutnya dibaca seperti berikut:

Bagaimanapun, Abdullah menjelaskan, pertemuannya dengan pemimpin peringkat tinggi Pas itu tidak disertai oleh Mursyidul Am parti berkenaan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Pengarang memohon maaf atas kekeliruan yang timbul ekoran kesilapan itu.